

# MoU bangunkan Madinah

BH-27/2/2007

## Permulaan Malaysia perluas bidang ICT peringkat dunia Islam: TPM



Mahfar Ali  
di Madinah

**M**ALAYSIA semalam menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berhubung kerjasama membangunkan Bandaraya Ekonomi Pengetahuan Madinah (KEC) yang disifatkan oleh Datuk Seri Najib Razak sebagai permulaan bermakna untuk negara memainkan peranan dalam pengembangan bidang teknologi maklumat di peringkat antarabangsa, terutama di dunia Islam.

Timbalan Perdana Menteri juga yakin projek bernilai 25 bilion Riyal (kira-kira RM25 billion) itu bukan saja akan menjadi mercu tanda pembangunan di Arab Saudi malah umat Islam seluruh dunia.

"Tamadun keilmuan Islam bermula di kota suci kedua umat Islam ini dan kini kita akan menyaksikan kebangkitan semula tradisi itu," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Seera City Real Estate Development Corporation dari Arab Saudi dan Multimedia Development Corporation (MDeC), sebuah perbadanan yang ditubuhkan kerajaan Malaysia bagi mempromosikan koridor multimedia.

MoU ditandatangani Ketua Eksekutif MDeC, Badlisham Ghazali dan Presiden Seera City, Sheikh Ibrahim



TEROKA PELUANG: Najib menyaksikan pertukaran dokumen antara Badlisham dan Sheikh Ibrahim di Madinah, semalam.

Al Eissa.

Projek inisiatif Lembaga Pelaburan Arab Saudi (Sagia) itu melibatkan kawasan seluas 4.8 juta meter persegi dan pembangunan fizikalnya dijangka bermula Ogos ini.

Projek itu juga dijangka mewujudkan 20,000 peluang pekerjaan berasaskan pengetahuan, sekali gus mengurangkan pengaliran keluar profesional Islam ke negara lain.

Terdahulu, Najib mendengar taklimat mengenai perkembangan E-Madinah, satu lagi projek dengan MDeC dilantik sebagai perunding

**“**Tamadun keilmuan Islam bermula di kota suci kedua umat Islam ini dan kini kita akan menyaksikan kebangkitan semula tradisi itu”

Najib Razak  
Timbalan Perdana Menteri

strategik oleh syarikat Arab Saudi, Integrated Visions bagi melaksanakan e-kerajaan di kota ini.

Pada sidang akhbar, Najib berkata beliau bangga dengan kerjasama MDeC dan Intergrated Visions yang memperlihatkan kejayaan.

"Menerusi kerjasama ini kita dapat berkongsi keupayaan, pengetahuan dan pengalaman kita dalam mengembangkan projek e-Madinah," katanya.

Beliau juga yakin MDeC yang berorientasikan perniagaan dapat bersaing di peringkat global dan projek

berkenaan akan menjadi batu loncatan untuk perbadanan itu mengadakan kerjasama dengan pihak lain.

E-Madinah yang dimulakan sejak 2004 kini mempunyai 36 pusat e-khidmat dan 10 pusat bergerak yang menyediakan 396 pelbagai jenis perkhidmatan kerajaan dan pihak berkuasa tempatan termasuk membaharui lesen, passport, pendaftaran sekolah dan penyambungan elektrik.

Terdahulu Najib memberi jaminan Felda tidak akan mengambil untung daripada projek membandarkan rancangan Felda di seluruh negara yang dilaksanakan Felda Jaya, membabitkan perbelanjaan lebih RM700 juta.

Timbalan Perdana Menteri sebaliknya berkata, banyak subsidi terpaksa diberi bagi memastikan masyarakat Felda menikmati pembangunan dirancang termasuk projek rumah yang akan dijual pada harga rendah daripada pasaran.

"Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat kerana membabitkan kos tinggi," katanya pada sesi dialog pada majlis perjumpaan dengan pelajar Malaysia di sini, malam kelmarin.

Beliau turut mengingatkan umat Islam supaya menguasai ilmu sains dan teknologi yang menjadi sumber kekuatan serta keperluan untuk mencapai kemajuan.

"Lebih banyak kita belajar ilmu sains, lebih besar apresiasi kita terhadap kebesaran Allah. Kita harus menggabungkan ilmu wahyu dan saintifik supaya tidak terus bergantung kepada orang lain," katanya.